



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI ATLET MURID TERHADAP TINGKAH LAKU KEPIMPINAN JURULATIH DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA ZON TIMUR

ASRO BIN OTHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSEPSI ATLET MURID TERHADAP TINGKAH LAKU KEPIMPINAN JURULATIH
DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA ZON TIMUR**

ASRO BIN OTHMAN

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
(MOD KERJA KURSUS)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LPTBUPSI-2021-22
Print: 10 mm 10"

Sila tanda ()
Kertas Projek
Sejana Penyelidikan
Sejana Penyeleksian dan Kerja Rujukan
Doktor Pialisah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 24 (hari bulan) Disember (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, ABDO BIN OTHMAN M 20201000928 FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN (SHARING) NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERSEPSI ATLET MURID TERHADAP TINGKAH LAKU KEPIMPINAN JURULATIH DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA ZON TIMUR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiati dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar



ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MAZUKI BIN MOHD YASIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERSEPSI ATLET MURID TERHADAP TINGKAH LAKU KEPIMPINAN JURULATIH DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA ZON TIMUR (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepuhunya syarat untuk memperoleh ijazah HACKELOR PENDIDIKAN (PENDIDIKAN JASMANI) SILA NYATAKAN NAMA IIJAZAH).

24.12.2021

Tanah

Tandatangan Penyelia
DR MAZUKI BIN MOHD YASIM
Pengajar
Posisi Kokurikulum
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERSEPSI ATLET MURID TERHADAP TINGKAH LAKU KEPIMPINAN
JURULATIH DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA ZON TIMUR

No. Matrik / Matric's No.: M 20201000928

Saya / I : ASRO BIN OTHMAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun diberikan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below -



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keseksyenatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaklum dalam Akta Rasmi Persekutuan 1972. / Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah dikenakan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 24.03.2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Panggilan:

Pusat Kokurikulum

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Cetakan jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pejabat berkaitan organisasi berkaitan dengan menyatakan sekeluarga dan lampirkan surat itu pada deklerasi ini sebagai SULIT dan TERHAD.

Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with me letter from the organization with reason and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat llahi atas ruang dan peluang yang diberikan oleh Allah S.W.T sebagai hamba-Nya dan menjalankan amanah yang telah diberikan. Syukur ke hadrat Allah S.W.T juga dengan keizinan-Nya saya telah berjaya menamatkan pengajian ini dengan sebaiknya. Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga juga kepada keluarga serta kumpulan individu yang telah banyak membantu kepada kejayaan saya menghasilkan penulisan ilmiah ini. Terima kasih saya tujuarkan kepada Allahuham Ayah (Othman bin Daud) - yang penuh disiplin membesarkan anak-anak untuk menjadi anak yang berguna. Buat Ibu, (Limah binti Muda) - Tidak pernah berhenti menasihati dan mendoakan kejayaan anak-anak untuk jadi orang yang merendah diri. Seterusnya Insan Terpilih yang mengisi kekosongan hati Noora Sinta binti Abdul Hadi - Isteri yang tidak pernah luntur memberikan sokongan dan sentiasa menjadi teman dalam apa jua keadaan yang ditempuhi sukar mahupun senang. Buat tatapan pembakar-pembakar semangat, Anak-anakku - Aslam Al-hakim bin Asro, Alesay Az Zahra binti Asro, Areefa Azzahra binti Asro dan Afeeya Az Zahra binti Asro dan Adik-Beradikku – Mohamad Azmi bin Othman, Asiah binti Othman, Asmaziah binti Othman, Allahuham Muhammad Azlan bin Othman, Allahuham Azamiah binti Othman, Azila binti Othman, Mohd Asmadi bin Othman dan Asmidar binti Othman yang sentiasa menjadi inspirasi untuk terus berusaha dan memberikan galakan. Seterusnya buat Sahabat-sahabat (Media Sosial, Master IPGIK dan Warga SSMT) yang sentiasa memberikan kerjasama melaksanakan tugas hakiki demi melahirkan generasi Negara yang terbaik. Juga tidak dilupakan kepada rakan-rakan jurulatih Olahraga di Malaysia.

Titipan terima kasih juga buat Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan UPSI, buat Penyelia Penyelidikan Ilmiah Dr Mazuki Bin Mohd Yasim atas kegigihan, motivasi dan dorongan yang diberikan serta masa yang telah diluangkan dalam memastikan penyelidikan ini berjaya.

“Hidup kita ini adalah sebuah perjalanan, bukan sebuah pertandingan. Maka tak perlu bandingkan perjalanan hidup kita dengan orang lain, kerana setiap orang mempunyai hidup yang berbeza. “Brave to Success”





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti Persepsi Atlet Murid Terhadap Tingkah Laku Kepimpinan Jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Zon Timur. Instrumen kajian yang digunakan ialah Leadership Scale for Sport (LSS) versi kegemaran dan persepsi atlet. Subjek kajian adalah populasi atlet di kedua-dua buah Sekolah Sukan Malaysia pada tahun 2007 ($n=246$; SSMP=166, SSMT=80). Dapatkan kajian yang diperolehi di analisis menggunakan Statistik Inferensi. Analisis data kajian yang terlibat ialah Ujian-t Tidak Bersandar bagi persoalan kajian satu, Ujian-t Tidak Bersandar dan ANOVA sehalia bagi persoalan kajian yang dua. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor demografi Sekolah Sukan Malaysia Zon Timur, jantina, umur dan jenis sukan yang diceburi dan pencapaian. Hasil dapatan kajian menunjukkan atlet murid di Sekolah Sukan Malaysia Zon Timur menggemari gaya kepimpinan Latihan dan Arahan, Maklum Balas Positif Demokratik dan Sokongan Sosial. Jurulatih juga didapati mengamalkan gaya kepimpinan sedemikian. Gaya kepimpinan jurulatih yang kurang digemari dan kurang diamalkan ialah Autokratik. Analisis ujian-t dan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecuali di dalam dimensi demokrasi yang diamalkan berdasarkan Sekolah Sukan Malaysia Zon Timur, jantina, umur dan jenis sukan yang diceburi dan pencapaian. Kesimpulannya, bagi meningkatkan pencapaian atlet remaja dalam sukan, pihak yang terbabit dengan perancangan dan pelaksanaan program latihan perlu mengetahui perkara yang mempengaruhi pencapaian atlet murid atlet. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa implikasi dan cadangan kajian lanjutan dikemukakan untuk menambah pengetahuan kepada pentadbir sukan remaja.





ABSTRACT

This study aims to identify the Perceptions of Student Athletes on the Leadership Behavior of Coaches in the East Zone Malaysia Sports School. The research instrument used was the Leadership Scale for Sport (LSS) version of athletes 'favorites and perceptions. The subjects of the study were the population of athletes in both Malaysian Sports Schools in 2021 ($n = 246$; SSMP = 166, SSMT = 80). The findings of the study were obtained in the analysis using Inferential Statistics. The analysis of the study data involved was Independent t-Test for study question one, Independent t-Test and one-way ANOVA for study question two. The findings of the study showed that there were no significant differences for the demographic factors of Sekolah Sukan Malaysia East Zone, gender, age and type of sports engaged and achievement. The results of the study showed that the student athletes in the East Zone Malaysia Sports School preferred the leadership style of Training and Instruction, Democratic Positive Feedback and Social Support. Coaches were also found to adopt such a leadership style. The less popular and less practiced leadership style of coaches is Autocratic. T-test analysis and ANOVA showed that there were no significant differences except in the dimensions of democracy practiced based on the East Zone Malaysia Sports School, gender, age and type of sports engaged and achievement. In conclusion, in order to improve the achievement of adolescent athletes in sports, those involved in the planning and implementation of training programs need to know the things that affect the achievement of student athletes. Based on the findings of the study.





ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB I PENDAHULUAN.....	1
1.0 PENGENALAN	1
1.2 PERNYATAAN MASALAH	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN.....	4
1.4 PERSOALAN KAJIAN	4
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	4
1.6 BATASAN KAJIAN	5
1.7 DEFINISI OPERASIONAL	6
1.7.1 Gaya Kepimpinan.....	7
1.7.2 Sekolah Sukan Malaysia.....	8
1.7.3 Atlet Murid Sekolah Sukan Malaysia	8
1.7.4 Sukan Individu	8
1.7.5 Sukan Berpasukan.....	9
1.7.6 Jurulatih Sekolah Sukan Malaysia (SSM)	9
1.7.7 Pencapaian Prestasi.....	9
1.8 RUMUSAN BAB	10
BAB II SOROTAN LITERATUR	11
2.0 PENGENALAN	11
2.1 PERSEPSI DAN KEPIMPINAN JURULATIH	11
2.2 KEPIMPINAN JURULATIH	12
2.2.1 Gaya Kepimpinan Jurulatih.....	12
2.2.2 Jurulatih Di Sekolah Sukan Malaysia (SSM)	13
2.3 TEORI BERKAITAN GAYA KEPIMPINAN JURULATIH.....	15
2.3.1 Pengaruh Prestasi Terhadap Gaya Kempimpinan Jurulatih	19
2.3.2 Pengaruh Jantina Terhadap Gaya Kepimpinan Jurulatih.....	20
2.3.3 Pengaruh Jenis Sukan Terhadap Gaya Kepimpinan Jurulatih	21
2.4 RUMUSAN BAB	23
BAB III METODOLOGI.....	24
3.0 PENGENALAN	24



3.1	REKA BENTUK KAJIAN.....	24
3.2	KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	25
3.3	PEMBOLEH UBAH KAJIAN	27
3.4	POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN.....	27
3.5	INSTRUMEN KAJIAN	28
3.6	PROSEDUR KAJIAN	30
3.7	KAJIAN RINTIS.....	31
3.8	ANALISIS DATA.....	32
3.8.1	Statistik Deskriptif.....	32
3.8.2	Ujian-T.....	32
3.8.3	Analisis Varians (Anova).....	33
3.9	KESIMPULAN	33
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	35
4.0	PENGENALAN	35
4.1	LATAR BELAKANG RESPONDEN	35
4.2	DAPATAN KAJIAN	38
4.2.1	Dapatan Kajian 1.....	38
4.2.2	Dapatan Kajian 2.....	40
4.2.3	Perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari berdasarkan Sekolah Sukan Malaysia.....	43
4.2.4	Perbezaan gaya kepimpinan sebenar berdasarkan pendapat atlet murid yang berbeza kategori umur (ANOVA Sehala)	45
4.2.5	Perbezaan gaya kepimpinan sebenar berdasarkan pendapat atlet murid yang berbeza tahap penglibatan dalam sukan (ANOVA Sehala) ..	49
BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	54
5.0	PENGENALAN	54
5.1	PROFIL SOSIO DEMOGRAFI DAN RESPONDEN KAJIAN	55
5.2	PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	55
5.2.1	Dapatan Persoalan Kajian 1.....	56
5.2.2	Dapatan Persoalan Kajian 2.....	56
5.3	CADANGAN	61
5.4	RUMUSAN BAB	62
5.4.1	Implikasi Dapatan Kajian.....	63
5.4.2	Implikasi Teoretikal	63
5.4.3	Implikasi praktikal	64
RUJUKAN.....		66
LAMPIRAN		74



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual saiz sampel kajian	28
3.2	Konstruk, Item dan Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Instrumen Kajian	29
3.3	Skala Likert <i>Leadership Scale for Sport (LSS)</i>	29
3.4	Bilangan subjek bagi Kajian Rintis	31
3.5	kebolehpercayaan soal selidik hasil kajian rintis	32
4.1	Taburan responden berdasarkan jantina dan sekolah	35
4.2	Taburan responden berdasarkan umur, pengalaman bermain dan pencapaian tertinggi	36
4.3	Taburan responden mengikut kategori sukan	37
4.4	Persepsi atlet murid terhadap gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih di SSM secara keseluruhan	39
4.5	Perbezaan Persepsi Atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih berdasarkan Sekolah Sukan Malaysia (ujian t)	39
4.6	Gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi atlet murid berdasarkan jantina	41
4.7	Perbezaan Persepsi Atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina (ujian t)	41
4.8	Gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi atlet murid berdasarkan jenis sukan	41
4.9	Perbezaan Persepsi Atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih berdasarkan Jenis sukan (ujian t)	42
4.10	Gaya kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih menurut persepsi atlet murid berdasarkan sekolah sukan malaysia	43
4.11	Perbezaan Persepsi Atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih berdasarkan Sekolah Sukan Malaysia (ujian t)	44
4.12	Min gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan mengikut pendapat atlet yang berbeza peringkat umur	45
4.13	Perbezaan gaya kepimpinan sebenar berdasarkan pendapat atlet murid yang berbeza kategori umur (ANOVA Sehala)	46
4.14	Min gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan mengikut pendapat atlet yang berbeza tahap penglibatan dalam sukan	47
4.15	Perbezaan gaya kepimpinan sebenar berdasarkan pendapat atlet murid yang berbeza tahap penglibatan dalam sukan (ANOVA Sehala)	51
4.16	Ujian post hoc perbezaan gaya kepimpinan sebenar berdasarkan pendapat atlet murid yang berbeza tahap penglibatan dalam sukan	52





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Model kepimpinan Multidimensi	16
2.2 Keserasian dan hasil tingkah laku pemimpin	17
3.1 Reka Bentuk Kajian	26





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

X

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SSBJ	Sekolah Sukan Bukit Jalil
SSM	Sekolah Sukan Malaysia
SSMT	Sekolah Sukan Malaysia Terengganu
SSMP	Sekolah Sukan Malaysia Pahang
SSTMI	Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian
- C Borang Pengesahan Status Disertasi / Tesis
- D Halaman Perhargaan
- E Halaman Abstrak
- F Halaman Abstract
- G Halaman Kandungan
- H Senarai Jadual
- I Senarai Rajah
- J Halaman Singkatan





BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kesungguhan kerajaan Malaysia dalam usaha meningkatkan mutu Sukan Prestasi Tinggi telah terbukti dengan penubuhan lima (5) buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) pada tahun 1996, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) pada tahun 1998, Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP), Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS), dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT) pada tahun 2016. Misi penubuhan Sekolah Sukan Malaysia ini adalah melatih atlet murid yang masih bersekolah dengan memberikan segala kemudahan dan latihan yang terbaik untuk melahirkan atlet bertaraf dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Pelbagai pelaburan telah dilakukan oleh pihak kerajaan seperti menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur yang terbaik dan terkini, memberikan latihan yang berkualiti dengan perlantikan jurulatih-juruatih yang berkelayakan daripada dalam dan luar negara serta memperkenalkan sistem penjadualan waktu anjal yang memberi tumpuan kepada peningkatan mutu sukan di Malaysia. Atlet murid yang telah terpilih dari seluruh Malaysia akan ditempatkan di lima buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) ini untuk mencapai hasrat negara bagi memajukan sukan. Menurut saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), adalah penting mewujudkan institusi-institusi sukan yang boleh melahirkan jaguh daripada kalangan atlet murid yang mempunyai minat, kebolehan dan potensi dalam bidang sukan. Setelah lebih sepuluh tahun Sekolah Sukan Malaysia (SSM) beroperasi dengan sistem persekolahan yang tersendiri wajarlah satu kajian yang menyeluruh dijalankan bagi menguji keberkesanan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) tersebut mencapai misi dan visinya iaitu menjana atlet bertaraf dunia.

Jurulatih-jurulatih sukan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sesuatu sukan di Malaysia. Mereka berperanan melatih atlet murid secara individu atau satu pasukan yang akan menyertai sesuatu pertandingan. Menurut Wildman (2006), kepimpinan yang berkesan adalah satu elemen yang penting dan perlu ditunjukkan demi meningkatkan prestasi individu atau sesebuah pasukan. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa peningkatan prestasi individu atau sesebuah pasukan serta kemenangan individu atau pasukan tersebut dalam sesebuah kejohanan atau pertandingan bukan hanya terletak kepada kualiti dan kehebatan seorang atlet semata-mata, tetapi kerjasama sekumpulan individu yang bekerja secara berpasukan. Mereka juga perlu memastikan atlet dan pasukannya dapat menunjukkan prestasi yang terbaik dan seterusnya mencapai





kejayaan yang cemerlang dalam sesuatu pertandingan (Bompa, 1993; Martens, 1987). Pengetahuan mengenai gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan seperti perancangan, teknik latihan dan pengaturan strategi permainan adalah perlu bagi memastikan penglibatan atlet yang berterusan dalam sesuatu aktiviti sukan.

Persepsi ialah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan: kekuatan imaginasi, kepekaan dan ~nya terhadap alam dan kehidupan memberikan gaya dan pengucapan yang khusus pada karya-karyanya; mempersepsi membuat gambaran (bayangan) dalam hati atau fikiran tentang sesuatu: objek-objek yang dipersepsi secara visual diterima tanpa soal. Manakala definisi jurulatih pula ialah orang yang melatih orang lain (seperti ahli sukan dan lain-lain) supaya mahir. kejurulatihan yang berkaitan dengan jurulatih dalam segala aspeknya, di manakah salahnya yang menyebabkan kekalahan ini ataupun sistem yang menjadi puncanya. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

Govindan et al., (2019) dalam kajian mereka mendapati atlet bola sepak di daerah alor gajah, Melaka mempunyai pelbagai persepsi terhadap gaya tingkah laku kepimpinan jurulatih. Soal selidik Leadership scale for sport (LSS) oleh Chelladurai dan Saleh, (1980) digunakan untuk mengukur gaya kepimpinan jurulatih meliputi lima dimensi iaitu dimensi yang pertama ialah latihan dan arahan, dimensi yang kedua ialah demokratik, dimensi yang ketiga pula ialah maklum balas positif atau ganjaran, dimensi seterusnya ialah sokongan sosial dan dimensi terakhir ialah autokratik. Tanggungjawab seseorang jurulatih adalah untuk membantu atlet mencapai prestasi yang terbaik dan cemerlang dalam setiap pertandingan. Oleh yang demikian, tugas seseorang jurulatih meliputi tugas melatih kemahiran asas, perancangan serta perlaksanaan program latihan jangka panjang dan jangka pendek, persiapan sebelum, semasa dan selepas pertandingan, memberi nasihat teknikal dan taktikal sepanjang pertandingan dan perlawanan bagi meningkatkan prestasi atlet mereka.

Memandangkan mutu sukan di negara kita masih berada pada tahap pembangunan dan kurang memuaskan lagi maka wajar dijalankan kajian yang berkaitan dengan kepimpinan seseorang jurulatih kerana ia banyak mempengaruhi kejayaan sesebuah pasukan, pemilihan Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT) paling sesuai dan tepat kerana kedua-dua sekolah sekolah sukan malaysia zon timur merupakan pusat pengeluaran bakal-bakal atlet negara masa hadapan.



1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kegagalan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) yang menggunakan khidmat jurulatih pecut dari Amerika Syarikat, Dwayne Miller untuk meningkatkan prestasi sedia ada atlet kebangsaan seperti Khairul Hafiz Jantan dan Muhammad Haiqal Hanafi menerima tamparan hebat. Ekoran daripada itu, isu Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) yang masih menanti kelulusan Majlis Sukan Negara (MSN) untuk mendapatkan khidmat jurulatih pecut dari Amerika Syarikat, Dwayne Miller untuk meningkatkan prestasi sedia ada atlet kebangsaan terutama dalam acara pecut, lompat jauh dan lompat kijang satu langkah yang merugikan. Akhirnya, tiada peningkatan prestasi Khairul Hafiz Jantan dan Muhammad Haiqal Hanafi dan sebelum ini menarik perhatian pelbagai pihak selepas menyatakan hasrat kembali semula bersama jurulatihnya Mohd Poad Md kassim selepas lebih tujuh bulan ditempatkan bersama semua atlet pecut elit kebangsaan di bawah Pengarah Teknikal KOM, Dwayne Miller di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil sejak Ogos 2020 tahun lalu. Malah, mereka menyifatkannya langkah terbaik demi kemajuan prestasi dalam tempoh jangka panjang dengan aspek keserasian yang telah terbina menjadi faktor utama (Sinar Harian, 21 April 2021) oleh (Zainal, 2021).

Salah satu faktor penentu kepada kejayaan seseorang atlet adalah keserasian perhubungan antara jurulatih dengan atlet (Beam, 2004) (Beam, Serwatka & Wilson 2004). Pengetahuan mengenai gaya kepimpinan yang digemari oleh atlet akan dapat mengurangkan masalah ketidakserasian perhubungan antara jurulatih dengan atlet yang akan mengganggu prestasi. Merujuk kepada Model Kepimpinan Multidimensi Chelladurai, (1980), keberkesanan kepimpinan dalam sukan hanya dapat dicapai sekiranya wujud keserasian antara ketiga-tiga perlakuan jurulatih iaitu menepati kehendak organisasi, perlakuan sebenar jurulatih dan perlakuan yang diingini oleh atlet. Berpandukan model ini tidak hairanlah seorang jurulatih yang berkualiti belum dapat menjamin kejayaan pasukan sekiranya tingkah laku jurulatih itu tidak digemari oleh organisasi dan atlet. Oleh yang demikian, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada jurulatih dan pihak pengurusan sekolah untuk mempraktikkan gaya kepimpinan yang bersesuaian dan mengelakkan masalah ketidakserasian perhubungan atlet dengan jurulatih. Terdapat pelbagai persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Zon Timur seperti dimensi latihan dan arahan, dimensi demokratik, dimensi maklum balas positif atau ganjaran, dimensi sokongan sosial dan dimensi autokratik. Persepsi yang paling diminati oleh sukan balapan dan padang negeri Sarawak ialah tingkah laku arahan dan latihan (Ling et al., 2017).

Dapatan kajian lampau juga menunjukkan terdapat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan dan ciri-ciri atlet seperti jantina, umur, pengalaman dan jenis sukan yang diceburi terhadap pencapaian prestasi (Jnr et al., 2017; Ling et al., 2017; Sailan & Rasyid, 2016). Oleh yang demikian, penyelidik ingin menjalankan kajian secara multidimensi bagi mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih yang diamalkan oleh jurulatih-jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Zon Timur.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah mengkaji secara terperinci persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Zon Timur. Berikut merupakan objektif kajian berdasarkan latar belakang yang telah dikemukakan;

1. Membandingkan persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Zon Timur.
2. Mengenal pasti faktor demografi yang paling mempengaruhi persepsi atlet murid terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Zon Timur.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut;

1. Sejauh manakah perbezaan terhadap tingkah laku kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Zon Timur?
2. Bagaimana terdapat perbezaan persepsi atlet murid terhadap gaya kepimpinan jurulatih di Sekolah Sukan Malaysia Zon Timur dipengaruhi oleh faktor-faktor demografi berikut:
 - 2.1 Umur
 - 2.2 Jantina
 - 2.3 Jenis sukan
 - 2.4 Pengalaman dalam bidang sukan

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini mungkin dapat mendedahkan beberapa keadaan tingkah laku kepimpinan jurulatih sukan di Sekolah Sukan Malaysia (SSM). Ekoran daripada tingkah laku kepimpinan yang berbeza-beza, berkemungkinan menimbulkan pelbagai kesan terhadap pencapaian di kalangan atlet di Sekolah Sukan Malaysia (SSM). Oleh



itu, kajian ini dapat menambahkan serta mengemaskinikan pengetahuan jurulatih-jurulatih sukan di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) khususnya di sekolah-sekolah tentang tingkah laku kepimpinan yang berkesan supaya dapat membantu para atlet murid secara individu atau dalam sesebuah pasukan permainan untuk meningkatkan tahap pencapaian yang cemerlang dan terbilang.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa peningkatan prestasi atlet-atlet murid adalah bergantung kepada satu organisasi yang melibatkan pelbagai aspek termasuklah latihan, pengurusan, kemudahan, dan kejurulatihan. Justeru itu, kajian ini mungkin dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Negara (MSN), Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Organisasi-organisasi Kerajaan dan swasta yang lain sebagai garis panduan untuk perancangan dan penggubalan dasar yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan sukan. Dengan adanya dapatan-dapatan tempatan mengenai penyelidikan tempatan dalam bidang tingkah laku kepimpinan jurulatih sukan. Lantaran itu, program pembangunan kejurulatihan sukan mungkin akan dapat dipertingkatkan mengikut keperluan tempatan dengan kebudayaan tertentu (Cultural Specificity) yang tersendiri.

Selain itu, kajian ini juga mungkin dapat mengenalpasti jurulatih-jurulatih yang boleh melatih atlet-atlet dalam sukan yang diceburi mengikut pola-pola tingkah laku kejurulatihan yang berkesan. Di samping itu, hasil dapatan-dapatan kajian ini mungkin membantu guru-guru dan jurulatih-jurulatih sukan supaya dapat memahami lebih mendalam bidang tugas kejurulatihan.

Secara tidak langsung, ia akan mengutungkan bukan sahaja kepada guru-guru dan jurulatih-jurulatih sahaja malah ia juga kepada para atlet dan pihak-pihak tertentu yang menampung pembiayaan untuk latihan dan pertandingan. Atlet-atlet tidak boleh dilatih dengan berkesan tanpa seorang jurulatih yang cekap dan berkebolehan dalam melatih atletnya berdasarkan prinsip-prinsip sains sukan. Prinsip-prinsip sains sukan merupakan kompenan penting dalam bidang kejurulatihan pada masa kini.

1.6 BATASAN KAJIAN

Setiap kajian mempunyai batasan tertentu yang akan mempengaruhi dapatan kajian. Batasan yang disebabkan kelemahan yang berlaku akibat perkara yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik semasa menjalankan kajiannya dikenali sebagai limitasi;

1. Kajian ini hanya terhad kepada atlet murid tingkatan satu (1) hingga empat (4) sahaja berdasarkan arahan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK). Populasi yang dipilih adalah merujuk jadual kaedah Krejcie & Morgan (1970) terdiri daripada di kedua-dua buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM).



Jumlah Populasi di Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP; N = 270, n=159) dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT; N=100, n=80).

2. Skop kajian ini hanya menumpukan kepada tingkah laku kepimpinan jurulatih yang disarankan oleh (P. Chelladurai et al., 1980). Di samping itu, untuk mendapatkan maklumat berkaitan seramai 246 orang atlet murid yang berumur 13 sehingga 16 tahun dari Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu. Daripada 246 orang atlet murid Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu, Ini jelaskan menunjukkan ketidak seimbangan subjek dalam kajian ini di antara atlet lelaki dan atlet perempuan di Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu
3. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan soal selidik dalam bentuk *google form* untuk mengukur tingkah laku kepimpinan jurulatih. Tingkah laku kepimpinan jurulatih diukur berdasarkan persepsi. Pengukuran ini adalah sukar sekiranya diukur secara objektif, dalam memberi tanggapan kepada item-item soal selidik dalam bentuk *google form*, nilai dan pemahaman responden mungkin berbeza-beza. Lantaran itu, ketepatan daptan dalam penyelidikan ini bergantung kepada responden terhadap kenyataan-kenyataan borang soal selidik dalam bentuk *google form* yang diedarkan.
4. Di samping itu, kebolehpercayaan dari segi masa juga merupakan aspek yang penting dalam pengukuran sesuatu fenomena. Dalam pengukuran tingkah laku jurulatih, keboleh percayaan masa boleh diragui kerana tingkah laku adalah bersifat subjektif dan akan berubah dari semasa ke semasa. Di dalam konteks kajian ini, atlet-atlet murid dikehendaki menagamati tingkah laku kepimpinan jurulatih yang sedang melatih mereka pada ketika itu. Oleh itu, atlet-atlet tersebut mungkin mengalami kekeliruan dan keraguan semasa menjawab soal selidik kerana pengalaman awal menerima pelbagai jenis tingkah laku jurulatih yang berbeza akan mempengaruhi pengamatannya. Justeru itu, kekeliruan dan keraguan ini mungkin menyebabkan ketidaktekalan mereka memberi respon terhadap item-item borang soal selidik dalam bentuk *google form*.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

Secara operasionalnya dalam kajian ini Jurulatih juga bertindak sebagai pemimpin pasukan dengan memberi keyakinan kepada atlet di bawah bimbingannya agar dapat berdaya saing semasa menyertai pertandingan. Ini bermakna gaya kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi pencapaian atlet dan sesbuah pasukan yang dibentuk (Patterson et al., 2005).



1.7.1 Gaya Kepimpinan

Gaya tingkah laku kepimpinan jurulatih adalah cara penggunaan kuasa yang dimiliki oleh seseorang pemimpin terhadap individu di bawah pimpinannya (Cox, 2011). Secara operasionalnya, dalam kajian ini gaya tingkah laku kepimpinan jurulatih adalah merujuk kepada cara penggunaan kuasa oleh jurulatih di sekolah sukan Malaysia Zon Timur terhadap atlet murid di bawah pimpinannya. Gaya kepimpinan jurulatih adalah tingkah laku yang ditunjukkan oleh jurulatih untuk mempengaruhi atlet dalam mencapai matlamat latihan. Bagi mencapai objektif kajian ini gaya kepimpinan jurulatih diukur menggunakan soal selidik Leadership Scale for Sport(LSS) Chelladurai & Saleh (1978) mengandungi lima subskala gaya kepimpinan jurulatih iaitu tingkah laku Latihan dan Arahan, Autokratik, Demokratik, Sokongan Sosial dan Maklum Balas Positif. Dalam konteks kajian ini gaya kepimpinan jurulatih dilihat dari dua sudut berbeza iaitu gaya kepimpinan jurulatih yang digemari dan gaya kepimpinan sebenar. Gaya kepimpinan jurulatih yang digemari ialah tingkah laku jurulatih yang menarik minat atlet dan memotivasi mereka untuk terus berlatih. Tingkah laku ini mungkin diamalkan oleh jurulatih mereka buat ketika ini ataupun tidak pernah langsung diterima oleh mereka sepanjang mereka berada di bawah pimpinan jurulatih tersebut. Gaya kepimpinan sebenar pula adalah tingkah laku yang diamalkan oleh jurulatih Sekolah Sukan Malaysia menurut persepsi atlet.

1.7.1.1 Gaya Kepimpinan Latihan Dan Arahan

Tingkah laku jurulatih yang sering menitikberatkan latihan dan mengutamakan tunjuk ajar dalam meningkatkan kemahiran, teknik dan taktik dalam sukan untuk memperbaiki prestasi atlet (Chelladurai 1990). Jurulatih yang mempunyai gaya kepimpinan seperti ini juga mewujudkan interaksi yang harmonis antara ahli dan menyelaraskan aktiviti untuk mencapai matlamat tugas pasukan.

1.7.1.2 Gaya Kepimpinan Autokratik

Gaya kepimpinan jurulatih yang menggambarkan tingkah laku untuk membuat keputusan secara berdikari dan memberi penekanan autoriti personal (Chelladurai, 1990) Jurulatih seperti ini tidak mengambil kira sebarang pandangan atlet dalam merancang strategi latihan.

1.7.1.3 Gaya Kepimpinan Demokratik

Tingkah laku jurulatih yang membenarkan lebih banyak penglibatan atlet dalam membuat keputusan terhadap matlamat kumpulan, bentuk latihan dan strategi



permainan – permainan (Chelladurai, 1990). Jurulatih yang mengamalkan demokratik sering berbincang dengan atlet sebelum membuat sesuatu keputusan.

1.7.1.4 Gaya Kepimpinan Sokongan Sosial

Tingkah laku jurulatih yang menitikberatkan kebajikan atlet secara individu, suasana kumpulan yang positif serta perhubungan interpersonal yang mesra (Chelladurai, 1990). Jurulatih yang menunjukkan gaya kepimpinan sebegini tidak hanya mengutamakan prestasi sukan atlet tetapi juga kehidupan harian mereka.

1.7.1.5 Gaya Kepimpinan Maklum Balas Positif

Tingkah laku jurulatih yang memperkuuh atlet dengan pengiktirafan dan memberi ganjaran terhadap pencapaian yang baik (Chelladurai, 1990), Jurulatih sebegini sering memuji dan memberi maklum balas yang positif terhadap prestasi yang ditunjukkan oleh atlet.

1.7.2 Sekolah Sukan Malaysia

Secara operasionalnya, dalam kajian ini Sekolah Sukan Malaysia adalah sekolah-sekolah yang berada di bawah tanggungjawab dan pengawasan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pada waktu ini terdapat lima buah sekolah iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil di Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail Bandar Penawar di Johor, Sekolah Sukan Malaysia Sabah, Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu.

1.7.3 Atlet Murid Sekolah Sukan Malaysia

Atlet Murid Sekolah Sukan Malaysia ialah atlet murid yang bersekolah di Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu pada tahun 2021. Atlet murid ini terbahagi kepada dua kategori iaitu atlet program pembangunan yang berada di bawah yang berada di bawah tanggungjawab sekolah sepenuhnya dan atlet elit yang berada dalam program persediaan Majlis Sukan Negara untuk menyertai sukan berprestij kebangsaan mahupun antrabangsa.

1.7.4 Sukan Individu

Acara sukan yang tiada atau kurang interaksi dalam kumpulan (Chelladurai & Saleh, 1978) Dalam konteks kajian ini sukan individu adalah acara sukan yang dimainkan secara perscorangan atau beregu. Sebanyak 20 acara sukan yang terdapat di Sekolah Sukan Malaysia dikategorikan dalam acara sukan individu. Acara sukan

tersebut ialah olahraga, gimnastik, memanah, angkat berat, boling padang, judo, lawan Pedang lumba basikal dan silat olahraga.

1.7.5 Sukan Berpasukan

Acara sukan yang saling berinteraksi atau bergantungan kepada ahli-ahli dalam kumpulan (Chelladurai & Saleh, 1978). Antara acara sukan yang tergolong dalam kategori sukan berpasukan ialah sepuluh jenis sukan yang terdapat di Sekolah Sukan Malaysia iaitu bola sepak wanita, bola jaring, bola keranjang, ragbi dan sepak takraw.

1.7.6 Jurulatih Sekolah Sukan Malaysia (SSM)

Individu yang melatih atlet murid yang belajar di Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT). Terdapat tiga kategori jurulatih yang melatih atlet murid Sekolah Sukan Malaysia (SSM) ini iaitu guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berjawatan sebagai jurulatih sepenuh masa, jurulatih yang dipilih oleh persatuan sukan kebangsaan atau negeri dan jurulatih kontrak yang dikendalikan oleh Majlis Sukan Negeri (MSN). Guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berjawatan sebagai jurulatih sepenuh masa yang mempunyai kelayakan dan pengalaman sebagai jurulatih. Jurulatih persatuan ialah junlatih yang dipilih oleh persatuan sukan negeri masing-masing dan dibayar elauan oleh persatuan tersebut. Jurulatih kontrak MSN adalah jurulatih tempatan atau luar negara yang berkhidmat secara kontrak dengan MSN serta pengurusan gaji dan elauan di bawah tanggungjawab MSN.

1.7.7 Pencapaian Prestasi

Pencapaian prestasi atlet murid Sekolah Sukan Malaysia (SSM) merujuk kepada tahap penglibatan tertinggi atlet murid dalam bidang sukan yang diceburi. Pencapaian prestasi terbaik adalah mewakili negara, kedua terbaik mewakili negeri, diikuti dengan mewakili daerah dan seterusnya sekolah. Berdasarkan soal selidik di Lampiran A, skor 5 diberikan kepada atlet murid yang mewakili negara, skor 4 mewakili negeri, skor 3 mewakili daerah, skor 2 mewakili sekolah dan skor 1 bagi atlet yang tidak pernah mewakili sekolah.



1.8 RUMUSAN BAB

Pada amnya, semua pemimpin seluruh dunia akan menggunakan kuasa yang dimiliki sebagai alat untuk mempengaruhi pengikut-pengikutnya. Keberkesanan kepimpinan adalah bergantung kepada gaya dan tingkah laku pemimpin dan ia yang memberi kesan kepada prestasi, kepuasan pengikut terhadap pemimpin dan komitmen pengikut terhadap pencapaian matlamat (Yukl, 2012).

